

APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 13/2024

EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

Nur Faathinah Mohammad Roshdan

CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

EDITORIAL COMMITTEE

Ooi Sing Ee

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin



International La'Festa 2023

Disediakan oleh:

Nurulnabilah binti Abdul Aziz

Syahirah Almuddin

Norshida Hashim

Siti Nur Dina Haji Mohd Ali

Anis Shahira Bazlan



Gambar 1: Poster La' Festa 2023

Buat pertama kalinya, Akademi Pengajian Bahasa dengan kerjasama Kelab Bahasa Inggeris (EAGLES) dan Persatuan Bahasa Arab UiTM Kampus Kuala Pilah telah menganjurkan program Festival Bahasa di peringkat antarabangsa iaitu *International La'Festa 2023* pada 4 sehingga 11 Disember 2023. Program ini merupakan kesinambungan dari program Festival Bahasa sebelum ini yang diadakan pada setiap semester di peringkat kampus. *International La'Festa 2023* ini memfokuskan kepada budaya penggunaan dan pengetahuan bahasa dalam kalangan pelajar di peringkat antarabangsa. Universitas Pahlawan Tuanku Tambusai, Indonesia merupakan universiti jemputan kami untuk turut serta dalam menjayakan program ini. Pelbagai aktiviti dan pertandingan bahasa telah dianjurkan.

Program kali ini telah diterajui oleh Kelab Bahasa Inggeris (EAGLES) di bawah pimpinan Puan Nurulnabilah Abdul Aziz, Puan Siti Nur Dina Haji Mohd Ali dan Cik Anis Shahira Bazlan yang juga merupakan penasihat bersama bagi Kelab Bahasa Inggeris (EAGLES). Program ini telah dipimpin oleh Saudari Ainnur Insyirah Mazlan yang merupakan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Kelab EAGLES dan turut dijayakan oleh Persatuan Bahasa Arab di bawah bimbingan Cik Norshida Hashim dan Dr. Syahirah Almuddin selaku penasihat persatuan.

Untuk makluman, program ini dilaksanakan secara dalam talian dan juga secara bersemuka. Aktiviti secara dalam talian melibatkan penyertaan pelajar UiTM Kampus Kuala Pilah dan pelajar Universitas Pahlawan Tuanku Tambusai, Indonesia.


Manakala aktiviti-aktiviti bersemuka melibatkan penyertaan daripada pelajar UiTM Kampus Kuala Pilah sahaja. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

1. “Movie Review” – Bersama Universitas Pahlawan Tuanku Tambusai, Indonesia
 - Webinar: “Beyond the Popcorn: Elevate Your Movie Review Presentations”
 - Persediaan dan Persiapan Tugasan
 - Penjurian Tugasan
2. “Giant Word Search” (Bahasa Inggeris)
3. “Arabic Quizizz” (Bahasa Arab)
4. “Mandarin Quizizz” (Bahasa Mandarin)




Gambar 3: Para peserta bagi pertandingan Arabic Quizizz dan Mandarin Quizizz

Program ini telah mendapat sambutan yang memberangsangkan. Seramai 119 orang peserta telah menyertai International La'Festa 2023 yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi UiTM Kampus Kuala Pilah Cawangan Negeri Sembilan dan juga Universitas Pahlawan Tuanku Tambusai, Indonesia. Pemenang bagi setiap pertandingan telah diberikan hadiah berbentuk wang tunai. Intihannya, program ini telah menyemarakkan lagi semangat pelajar untuk terus mengasah kemampuan diri serta berupaya menilai keupayaan serta potensi pelajar menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa ketiga (bahasa Arab dan bahasa Mandarin) sebagai bahasa komunikasi, dan bahasa ilmu. Hal ini secara tidak langsung berupaya menghasilkan pelajar yang berkualiti dalam aspek penguasaan bahasa dan komunikasi setaraf mahasiswa dan mahasiswi di peringkat antarabangsa.



Gambar 2: Webinar: “Beyond the Popcorn: Elevate Your Movie Review Presentations”

Majlis penutup program International La’Festa 2023 telah diadakan pada 11 Disember 2023 secara dalam talian menggunakan platform “YouTube Live”. Hal ini dapat memberi peluang kepada para peserta dan juga rakan-rakan dari Universitas Pahlawan Tuanku Tambusai, Indonesia untuk turut serta dalam menyaksikan Majlis Penutup International La’Festa 2023.



Gambar 4: Majlis Perasmian dan Penutup International La’festa 2023

Program International La’Festa ini diharapkan dapat meningkatkan pengalaman belajar, motivasi dan komunikasi para pelajar universiti serta memberi kesedaran dalam pemahaman pelbagai budaya.